

Rujukan Kami : SMECORP : JHR 380/2  
Tarikh : 29 November 2012

Senarai edaran seperti di Lampiran A

Tuan/Puan,

### **SESI TAKLIMAT MENGENAI PELAN INDUK PKS**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana tuan/puan sedia maklum, Pelan Induk PKS telah dilancarkan pada 12 Julai 2012 oleh Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Dato' Sri Najib Tun Haji Abdul Razak. Pelan Induk PKS merupakan satu perancangan yang komprehensif, dinamik dan fleksibel yang mencakupi dasar-dasar kerajaan dalam menggalakkan pertumbuhan PKS di Malaysia. Sehubungan dengan itu, SME Corporation Malaysia (Johor) akan menganjurkan sesi taklimat mengenai Pelan Induk PKS seperti butiran berikut:

Tarikh : 13 Disember 2012 (Khamis)  
Masa : 11.00 pagi - 1.00 tengah hari  
Tempat : Ballroom 1, New York Hotel, Johor Bahru

3. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran mengenai Pelan Induk PKS kepada usahawan, wakil industri, dewan-dewan perniagaan dan pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat di dalam pembangunan PKS. Sehubungan dengan itu, pihak SME Corporation Malaysia (Johor) ingin menjemput tuan/puan atau wakil untuk menghadiri program tersebut.

4. Bersama-sama ini disertakan slip pendaftaran untuk makluman dan perhatian tuan/puan. Kerjasama pihak tuan/puan adalah dipohon untuk mengembalikan slip pendaftaran yang telah diisi melalui faks ke 07-2214836 sebelum atau pada 10 Disember 2012 (Isnin). Sekiranya pihak tuan/puan mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi En. Mohd Aidil Faiz Bin Khalid ([aidilfaiz@smeCorp.gov.my](mailto:aidilfaiz@smeCorp.gov.my)) atau En.Hairulnizam Bin Mohd Jan ([nizam@smeCorp.gov.my](mailto:nizam@smeCorp.gov.my)) di talian 07-2214815.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"**



(AZRINE BINTI OTHMAN)

b.p Ketua Eksekutif  
SME Corp. Malaysia